

Pengukuhan Akidah dalam Melahirkan Pendakwah kompeten di Malaysia

[*Strengthening Faith in Producing Competent Preachers in Malaysia*]

BITARA

Volume 7, Issue 3, 2024: 138-148
© The Author(s) 2024
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>
Received: 30 June 2024
Accepted: 5 August 2024
Published: 23 August 2024

Elma Natasya Yusof¹ & Abdul Ghafar Don¹

1 Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia.
E-mail: p131674@siswa.ukm.edu.my; a.g.don@ukm.edu.my

*Corresponding Author: a.g.don@ukm.edu.my

Abstrak

Pegangan akidah yang benar dan jitu adalah suatu kewajipan bagi setiap pendakwah dalam melaksanakan tugas dakwahnya. Akidah yang kukuh akan memberi keyakinan kepada *da'i* dalam mendekati *mad'u* tanpa rasa takut dan bimbang. Bagi memperkukuhkan kefahaman akidah dalam diri, pendakwah perlulah sentiasa meningkatkan ilmu dan melaksanakan amal ibadah yang boleh mendekatkan dirinya dengan Allah. Pembinaan akidah yang mantap melalui hubungan yang dekat dengan Allah menjadi bekalan yang baik bagi membolehkan pendakwah lebih bersedia untuk menghadapi cabaran dalam merealisasikan tugas dakwah ketika berhadapan dengan *mad'u*. Bagaimanapun, jika diteliti hari ini, banyak isu-isu semasa yang mengaitkan salah laku dan moral para pendakwah. Hal ini pastinya menjejaskan aspek kompetensi pendakwah khususnya dalam penghayatan terhadap nilai akidah dan ketakwaan terhadap Allah SWT hingga memberi kesan yang tidak baik kepada dakwah. Kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti kepentingan aspek pengukuhan akidah dalam pendekatan dakwah. Selain itu, kajian ini juga membincangkan elemen dalam pengukuhan akidah, cabaran serta kaedah dalam pengukuhan akidah bagi melahirkan pendakwah yang kompeten. Kajian ini adalah kajian berbentuk kualitatif. Kaedah pengumpulan data ialah dengan merujuk bahan-bahan kajian lepas, berita semasa dan pemerhatian terhadap isu semasa melibatkan pendakwah. Manakala metode analisis data ialah secara tematik bagi membentuk tema tertentu berkaitan subjek kajian. Kajian ini mendapati bahawa pengukuhan akidah menjadi aspek penting dalam melahirkan pendakwah yang kompeten. Implikasi kajian ini mampu memberikan garis panduan kepada pihak-pihak berkepentingan agar memberikan penekanan kepada pengukuhan akidah dalam melahirkan para *da'i* yang kompeten.

Kata kunci: Akidah, Dakwah, Kompetensi, Pendakwah, Permasalahan akidah

Abstract

Holding a true and precise belief (akidah) is an obligation for every preacher (pendakwah) in carrying out their missionary duties. A strong akidah will give confidence to the da'i (preacher) in approaching the mad'u (audience) without fear or worry. To strengthen the understanding of akidah within oneself, preachers must continuously enhance their knowledge and perform acts of worship that bring them closer to Allah. Building a solid akidah through a close relationship with Allah serves as a good provision, enabling preachers to be better prepared to face challenges in fulfilling their missionary duties when engaging with the mad'u. However, if we examine today's context, many contemporary preachers are involved in misconduct. This undoubtedly affects the competency of preachers, especially in their appreciation of akidah values and piety towards Allah SWT,

subsequently negatively impacting their missionary work. This study aims to identify the importance of strengthening akidah in the missionary approach. Furthermore, this study discusses the elements of akidah reinforcement, challenges, and methods of strengthening akidah to produce competent preachers. This study is qualitative in nature. Data collection methods include referring to previous research materials, current news, and observations of current societal issues. The data analysis method is thematic to form specific themes related to the subject of the study. This study found that strengthening akidah is a crucial aspect in producing competent preachers. The implications of this study can provide guidelines for relevant parties to emphasize akidah reinforcement in producing competent da'i.

Keywords: Akidah, Dakwah, Competency, Preachers, Akidah issues

Cite This Article:

Elma Natasya Yusof & Abdul Ghafar Don. (2024). Penguatan Akidah dalam Melahirkan Pendakwah kompeten di Malaysia [Strengthening Faith in Producing Competent Preachers in Malaysia]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 7(3): 138-148.

Pengenalan

Penguatan akidah merupakan satu asas utama dalam pembinaan individu Muslim yang beriman, beramal soleh dan mempunyai nilai takwa yang tinggi terhadap Allah SWT. Dalam konteks dakwah pada hari ini, akidah menjadi satu elemen yang kritikal yang perlu diberikan perhatian oleh segenap lapisan masyarakat terutamanya kepada pihak-pihak yang menilai kompetensi para pendakwah seperti Majlis Agama Islam Negeri (MAIN). Bagi melahirkan pendakwah yang kompeten bukan sahaja dinilai daripada aspek kebolehan mereka dalam berkata-kata dan menyampaikan risalah dakwah dengan baik malah ianya lebih mendalam iaitu menjadi contoh teladan yang baik kepada masyarakat yang melihatnya. Pendakwah seharusnya menjadi seorang yang mampu membimbing masyarakat untuk mencapai kefahaman dan penghayatan agama dengan baik dan berkesan. Maka penguatan akidah dalam kalangan pendakwah adalah sangat penting dan pihak yang terlibat haruslah mengambil pendekatan yang proaktif dalam membina pendakwah yang kompeten di Malaysia. Imam al-Ghazali (2020) menyatakan akidah merupakan asas yang paling penting dalam pembentukan iman seseorang mukmin yang sejati. Asas yang penting ini juga mestilah diambil serta dicapai dengan penuh hati-hati serta teliti kerana jika asasnya goyah maka apa yang berdiri di atasnya juga pasti akan goyah.

Masyarakat manusia memerlukan kepada akidah dan tauhid yang merupakan asas penting dalam menyelusuri kehidupan, melaluinya manusia dapat mengimplementasikan segala urusan hidup manusia, dan sekiranya pegangan akidah dan tauhid itu hilang maka akan hilanglah panduan dan lahirlah kekacauan dalam kehidupan seharian manusia tersebut (Asming et al, 2011). Makhmud Syafe'i et. al (2022) dalam jurnalnya yang bertajuk *Penguatan Akidah Menggunakan Model Amtsal Al-Quran* berpendapat bahawa fenomena terkait dengan pendangkalan akidah merupakan hal yang harus diperhatikan. Hal ini mengingatkan bahawa akidah merupakan aspek yang penting bagi setiap Muslim terutamanya bagi penggerak agama dalam masyarakat. Sehubungan dengan itu, akidah juga adalah komponen yang utama dalam menilai kompetensi seorang pendakwah dan kriteria bagi menjadi seorang pendakwah ialah kemantapan ilmu dan kefahaman akidahnya. Dalam zaman serba canggih ini, kefahaman

akidah dan keyakinan terhadap agama itu sangat penting kerana dengan keyakinan yang sebenar sahaja yang mampu mencegah pendakwah dan masyarakat Muslim daripada melakukan perbuatan yang salah di sisi agama berikutan mempunyai kesedaran terhadap pembalasan Tuhan kelak.

Kepentingan Pengukuhan Akidah

Akidah merupakan asas dalam kefahaman agama Islam yang mana ianya menjadi tunjang kepada kefahaman dan keteguhan dalam beragama. Umat Islam sangat dianjurkan untuk menuntut ilmu akidah dan meningkatkan penghayatan terhadapnya. Hal ini kerana, penghayatan akidah yang benar sangat penting dalam menuju keredaan Allah SWT dan juga memelihara diri seseorang daripada perbuatan yang tidak baik serta salah faham dalam beragama. Kepentingan pengukuhan akidah ini haruslah dipandang serius oleh setiap pihak dalam memastikan masyarakat Muslim serta para pendakwah sentiasa berada dalam pendidikan dan pengetahuan akidah yang selaras dengan pembawaan Islam. Firman Allah SWT dalam Surah al-Baqarah, ayat 285:

“Rasul telah beriman kepada al-Quran yang diturunkan kepadanya dari Tuhannya, demikian pula orang-orang yang beriman. Semua beriman kepada Allah, malaikatNya, kitab-kitabNya dan rasul-rasulNya. (Mereka mengatakan): ‘Kami tidak membeza-bezakan antara seseorang pun (dengan yang lain) dari rasul-rasul-Nya’, dan mereka mengatakan: ‘Kami dengar dan kami taat.’ (Mereka berdoa): ‘Ampunilah kami ya Tuhan kami dan kepada Engkau lah tempat kembali.’”

Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah tersebut adalah berkenaan dengan kepentingan iman sebagai asas yang mengikat seorang Muslim kepada ajaran Allah SWT dan risalah yang dibawa oleh Baginda Rasulullah SAW. Akidah yang kukuh mampu menjadi panduan dalam setiap perlakuan dalam kehidupan ini dan keputusan yang diambil oleh seseorang Muslim juga akan berteraskan kepada pembawaan agama serta termasuk juga dalam melaksanakan tugas sebagai seorang pendakwah. Oleh hal itu, pentingnya pengukuhan akidah dilakukan terhadap semua umat Islam bagi mengangkat asas akidah sebagai komponen utama dan dasar asas dalam kehidupan Muslim.

Perbincangan tentang akidah tidak boleh dipisahkan daripada perbincangan tentang 'iman' kerana apa yang disimpulkan oleh seseorang individu dalam hati sanubarinya adalah semua prinsip rukun iman sebagaimana yang dijelaskan oleh hadis Jibrail yang masyhur. Al-Qaradawi, seorang tokoh ulama terkenal amat menekankan keperluan umat Islam memahami konsep iman yang sebenar sebagaimana yang difahami oleh *al-salaf al salih*, iman yang bukan sekadar diucapkan secara lisan tanpa adanya keyakinan di hati, tanpa adanya kepercayaan mencecah tahap yakin atau sekadar kepercayaan yang tidak mencetuskan ketundukan dan kepatuhan terhadap perintah dan arahan Allah SWT secara yang setulusnya (Fauzi, 2002). Sehubungan dengan itu, pendakwah yang memiliki kefahaman dan kepercayaan akidah yang kukuh akan lebih berkeyakinan dalam menjalankan tugas dan tanggungjawabnya sebagai

seorang pendakwah. Dalam surah Ibrahim, ayat 27, Allah SWT berfirman: “Allah meneguhkan (iman) orang-orang yang beriman dengan ucapan yang teguh itu dalam kehidupan di dunia dan di akhirat; dan Allah menyesatkan orang-orang yang zalim dan memperbuat apa yang Dia kehendaki.”

An-Nasa’i, Kitab Jenazah, Bab 114 memberi pentafsiran kepada ayat 27 di mana ia menyatakan, merujuk kepada contoh pertama (mereka yang beriman dengan kata-kata yang teguh) bermaksud dengan bukti yang jelas bagi mereka, iaitu perkataan yang baik yang disebutkan di atas. Ia telah terbukti dalam Sahih bahawa ia adalah perkataan syahadah yang dikatakan oleh orang beriman ketika dia duduk di dalam kuburnya. Nabi SAW, berkata: “Itulah kata-kata Allah Yang Maha Tinggi: Allah mengukuhkan” (ayat 1). Dikatakan bahawa maksud Allah mengukuhkan mereka ialah mereka tetap teguh dalamnya (dalam kehidupan dunia) dan terus berpegang teguh sehingga jika mereka diuji dalam agama mereka, mereka tidak berhenti seperti mana mereka yang diuji oleh orang-orang musyrik dan yang lain telah diteguhkan. Hal yang demikian, pendakwah yang memiliki kefahaman yang jelas dan pegangan yang kukuh terhadap asas akidah, sudah pasti Allah SWT akan kukuhkan kedudukannya dan memperteguhkan dirinya atas jalan dakwah ini.

Penguksuhan akidah ini juga dilihat penting kerana akidah adalah sebagai tonggak utama dalam melindungi umat Islam daripada segala bentuk penyimpangan. Hal ini dipandang serius kerana dalam keadaan dunia yang penuh dengan cabaran sosial, ideologi barat yang berleluasa dan fahaman-fahaman yang mampu mendorong kepada pemesongan akidah, ianya dilihat menjadi sebagai satu faktor pendorong kepada usaha ini. Maka jadi tuntutan kepada para pendakwah untuk memiliki dan menguasai ilmu asas akidah supaya menjadi benteng ketahanan diri terhadap segala penyimpangan yang berlaku dalam masyarakat hari ini. Surah an-Nisa, Allah SWT berfirman dalam ayat 136 yang bermaksud:

“Wahai orang-orang beriman! Tetaplah beriman kepada Allah dan Rasul-Nya dan kepada kitab yang Allah turunkan kepada Rasul-Nya serta kitab yang Allah turunkan sebelumnya. Barang siapa yang kafir kepada Allah, malaikat-malaikat-Nya, kitab-kitab-Nya, rasul-rasul-Nya, dan hari kemudian, maka sungguh, orang itu telah sesat sejauh-jauhnya.”

Daripada surah an-Nisa ayat 136 tersebut, kita boleh mengambil *ibrah* bahawa pentingnya pegangan akidah yang teguh dalam kalangan pendakwah supaya mereka mampu menjaga diri serta menjaga *mad'u* daripada sebarang ajaran sesat dan pengaruh ideologi yang negatif. Tidak dinafikan juga, peranan mereka yang ekstrem dalam beragama ini juga mampu membawa fahaman yang salah dalam kalangan umat Islam itu sendiri. Maka dengan adanya pendakwah yang cecal dan mantap penguasaan ilmunya terhadap fahaman akidah yang benar, serba sedikit mampu untuk menangkis hal-hal tersebut daripada terus tersebar dan jadi satu budaya dalam masyarakat Islam. Menurut Fauzi (2002), Islam sangat mengambil berat soal pembangunan, namun Islam lebih mengutamakan kepada aspek pembangunan yang berteraskan ke-Esaan dan perbaikan kerohanian berbanding dengan hal-hal kemajuan yang berbentuk kebendaan. Hal ini agar manusia bukan saja mendapatkan kebaikan didunia namun mendapatkan juga kebaikan di akhirat kelak. Oleh itu, aspek pembangunan pengetahuan

tentang akidah sangat penting ditekankan dalam proses membangun pendakwah dan ummah yang baik untuk masa depan agama Islam.

Aspek-aspek Pengukuhan Akidah

Pengukuhan akidah haruslah berjalan seiring dengan kemajuan yang wujud pada ketika ini kerana cabaran yang lahir dari semasa ke semasa juga boleh dikatakan sangat mencabar dan perlu kepada corak pengukuhan yang lebih serius, tertumpu dan berkesan kepada pendakwah-pendakwah di Malaysia. Proses pengukuhan akidah bukanlah satu hal yang mudah untuk dilakukan terutamanya dalam kalangan pendakwah dan masyarakat awam. Menurut Ahmad Syafiq et.al (2022) yang mana segelintir masyarakat lebih suka menzahirkan perselisihan faham berkaitan sesuatu isu akidah tanpa mengambil kira kesannya. Maka, pentingnya pihak-pihak berkewajipan untuk menelusuri aspek yang mampu ditambah baik dari semasa ke semasa. Oleh itu, terdapat beberapa aspek pengukuhan akidah dalam kalangan umat Islam terutamanya golongan pendakwah yang bakal menjadi perantara penyampai ilmu kepada masyarakat. Antara aspek yang perlu diberikan penekanan yang pertama ialah aspek pendidikan dan latihan, kedua pengukuhan melalui amalan dan akhir sekali pembinaan jati diri dalam kalangan pendakwah itu sendiri.

a. Pendidikan dan latihan

Dalam Islam, perekaayaan modal insan berkualiti bermula dengan memurnikan fitrah insan agar seseorang itu kembali kepada akidah Islamiyyah iaitu tauhid berasaskan keimanan sepenuhnya terhadap keesaan Allah (*Tauhidullah*) dan seterusnya tauhid ini dihunjam kuat dalam diri insan (Mohd Shafiee et.al, 2015). Kajian Mohd Shafiee dan rakan-rakan, menyatakan bahawa setiap pembinaan modal insan perlulah ditekankan dengan soal penghayatan agama iaitu bermula dengan penyucian fitrah dengan memahamkan mereka dalam soal akidah Islamiyyah yang benar. Hal yang sama juga turut perlu dilaksanakan dalam memperkasakan ilmu pengetahuan para pendakwah bagi memastikan setiap pendakwah yang bakal dilahirkan kelak telah dilengkapi dengan pengetahuan asas soal akidah terlebih dahulu. Sebagai contoh latihan yang dapat mengukuhkan akidah secara langsung adalah dengan meningkatkan ilmu dengan mengadakan kelas-kelas agama dalam masyarakat dan melantik seorang tenaga pengajar yang mampu menyampaikan ilmu agama dengan baik dan berkesan. Selain itu, pendakwah juga harusnya sering menelaah buku dan kitab-kitab sirah untuk mendapatkan sumber inspirasi dan secara tidak langsung mampu menguatkan kecintaan terhadap agama Islam ini sendiri dan akhir sekali, penghayatan kisah-kisah dalam al-Quran juga adalah penting sebagai salah satu latihan kepada para pendakwah agar daripada kisah ini mereka mampu jadikan teladan dalam menyampaikan hikmah kepada masyarakat. Oleh itu, pengukuhan akidah dalam kalangan pendakwah amat penting dan haruslah dimulakan dengan pengukuhan dari aspek pendidikan dan latihan selaras dengan konsep dan kefahaman akidah yang benar.

b. Pengukuhan melalui amalan

Bagi memastikan akidah para pendakwah sentiasa berada dalam keadaan terjaga, maka perlulah dikuatkan melalui pelaksanaan amalan yang konsisten. Amalan yang konsisten seperti amal ibadat solat wajib dan sunat seperti solat sunat taubat, tahajud, hajat dan lain-lain lagi perlulah ditekuni agar para pendakwah mampu membuat pengabdian diri terhadap Allah SWT dan mewujudkan satu sifat ikhlas dalam menjalankan tanggungjawab sebagai seorang pendakwah. Di samping itu, tidak mengetepikan juga bahawa amalan-amalan yang konsisten ini juga mampu menjadi benteng yang utuh bagi setiap pendakwah daripada terjerumus dalam kesesatan atau kejahilan pegangan akidah. Kepentingan pengukuhan amalan ini juga mampu menguatkan keimanan seseorang pendakwah tatkala diuji dengan kepelbagaian isu sosial yang melibatkan akidah. Jasni Sulong (2016) menulis dalam jurnalnya yang mana beliau menekankan bahawa akidah yang utuh itu dibina berdasarkan keimanan seseorang individu dan pegangannya terhadap enam rukun iman yang digariskan dalam Islam itu sendiri. Tidak dinafikan bahawa cabaran yang berleluasa pada zaman ini menunjukkan satu peningkatan yang serius, namun dengan benteng keimanan dan amalan yang berterusan dalam kalangan pendakwah, maka cabaran itu pasti akan mampu dilalui dengan baik.

c. Pembinaan jati diri

Remaja masa kini berhadapan dengan suatu zaman yang mana dipenuhi dengan kepelbagaian cabaran. Kepsatan ekonomi yang terjadi juga telah merubah banyak perspektif kehidupan dan cara pandang manusia terhadap kehidupan ini. Ekonomi dan gaya hidup yang berubah *asbab* berlakunya perubahan secara globalisasi secara langsung memberi impak kepada perubahan akhlak dan sahsiah manusia. Anak-anak remaja juga telah terdedah dengan pelbagai ragam pola pemikiran manusia dan juga tingkah laku seharian yang kadang-kala mencerminkan sesuatu yang tidak baik. Mereka memerlukan bimbingan dan panduan yang betul dalam membentuk semula jati diri yang kukuh untuk memastikan mereka menjadi insan yang berguna pada masa akan datang. Dalam hal ini, menjadi tanggungjawab ibu bapa dalam memainkan peranan masing-masing dalam memberi pendekatan yang baik kepada anak-anak (Mastura Bohari & Farawahidah, 2022). Pembinaan jati diri sebagai seorang Muslim juga adalah penting bagi memastikan seseorang individu terbentuk secara lahiriahnya baik. Hal ini juga terpakai kepada pembentukan seseorang pendakwah yang kompeten yang mana aktiviti seperti memahami, *mentaddabur* serta menghayati kisah *ibrah* daripada tokoh Islam terdahulu mampu menjadikan seseorang pendakwah itu lebih baik dari aspek perlakuannya dan juga lebih memberi semangat dalam menjalankan tugas dakwah tanpa rasa mengalah dan akhirnya ini akan lebih menguatkan akidah mereka untuk berpegang teguh kepada ajaran Islam.

Cabaran dalam Pengukuhan Akidah

Terdapat faktor-faktor tertentu yang dianggap sebagai cabaran dalam pengukuhan akidah. Antaranya pengaruh media sosial, kepelbagaian fahaman dan ideologi dan kelemahan sistem pendidikan:

a. Pengaruh media sosial

Tidak dinafikan pengaruh media sosial adalah antara cabaran terbesar yang dihadapi oleh semua pendakwah hari ini untuk memperkukuhkan akidah dalam diri. Media sosial yang menampilkan semua perkongsian kehidupan manusia yang mewah dan bergaya telah menjadi satu bentuk tipu daya yang halus kepada pendakwah yang mana akhirnya kerja-kerja dakwah yang dijalankan adalah semata-mata untuk mendapat keuntungan. Kelahiran pendakwah segera dapat dilihat dengan munculnya mereka-mereka yang bercakap soal agama di ruang publik tanpa mempunyai latar belakang pengajian yang sesuai dengan apa yang diperkatakan. Masalah ini telah mencatatkan perjalanan dakwah lagi apabila mereka yang bergelar “pempengaruh Islamik” terpalit dengan isu-isu tidak bermoral. Hal ini telah serba-sedikit telah memberi kecurigaan masyarakat kepada pendakwah yang lain. Muhammad al-Bahi (1979), berpendapat bahawa peradaban Barat moden merupakan sebuah peradaban yang lebih mementingkan unsur individualistik dalam gaya hidup kerana ia juga bertunjangan kepada fahaman materialistik iaitu suatu fahaman dan sikap hidup yang memberikan tumpuan kepada usaha mencari kenikmatan kebendaan semata-mata. Hal ini telah menyebabkan sesetengah pendakwah telah menolak segala nilai Islam yang luhur dan meletakkan nilai material sebagai tujuan utama dalam dakwahnya. Maka pentingnya disini untuk memperkukuhkan semula pegangan akidah para pendakwah agar setiap perlakuannya terjaga dek kerana utuhnya fahaman akidah.

b. Kepelbagaian fahaman dan ideologi

Arus kemodenan telah mengubah banyak perspektif pemikiran manusia. Pemikiran-pemikiran Barat yang telah berleluasa sekaligus membawa satu corak pemikiran yang terbuka dan mengetepikan ajaran agama dalam kehidupan seharian. Ideologi-ideologi yang memesongkan akidah juga telah tersebar dari semasa ke semasa, dengan itu pegangan akidah yang lemah sedikit sebanyak mampu mendorong seseorang Muslim untuk mengikut fahaman yang salah. Cabaran pengukuhan akidah ini kelihatan semakin sukar untuk dilaksanakan apabila wujudnya segelintir manusia yang tidak bertanggungjawab dalam menyebarkan fahaman-fahaman salah dalam masyarakat Islam. Selain itu, fahaman barat yang telah meresap masuk ke segenap lapisan masyarakat ini juga dilihat sebagai satu cabaran yang kritikal yang harus pendakwah tempuhi dengan bijaksana. Hal ini dikukuhkan lagi dari kajian Engku Ahmad Zaki (2007), beliau menyatakan bahawa masyarakat Islam telah dilambakkan dengan bahan-bahan yang mempromosikan pengaruh-pengaruh budaya Barat yang akhirnya berjaya mendominasi gaya kehidupan seorang Muslim dari aspek pendidikan, ekonomi, kesenian, sosial dan media massa.

c. Kelemahan sistem pendidikan

Falsafah Pendidikan Malaysia yang kurang menitikberatkan soal penjagaan fitrah Islam dalam kalangan pelajar Islam juga antara perkara yang menyebabkan wujudnya cabaran yang besar untuk memperkasakan akidah dalam kalangan remaja hari ini. Pelajar atau masyarakat hari ini telah di doktrin bahawa pendidikan sekularisme dan pendidikan agama itu adalah hal yang berbeza dan tidak boleh dicampuradukkan antara konsep pembelajarannya. Namun, inilah yang

dikatakan sebagai satu kelemahan yang dilalui oleh umat Islam ketika ini. Musuh berjaya bukanlah disebabkan mereka bijak dalam menyusun strategi dan gerak kerja dalam menyampaikan agenda mereka tetapi mereka bijak mengambil peluang ke atas kelekaan dan kelemahan dalaman umat Islam. Menurut Engku Ahmad Zaki (2007), faktor berlakunya krisis akidah di kalangan umat Islam sehingga menyebabkan wujudnya beberapa ajaran sesat dan fahaman yang bertentangan dengan syariat sebenar adalah disebabkan kejahilan terhadap ajaran agama Islam itu sendiri. Oleh hal demikian, kelemahan dalam pendidikan menjadi satu cabaran besar kepada pendakwah dalam memperkukuhkan asas akidah umat Islam sekiranya pihak-pihak yang berkepentingan tidak mengambil pendekatan untuk mengkaji semula penetapan yang telah dilaksanakan di setiap peringkat institusi pendidikan hari ini.

Kaedah Pengukuhan Akidah

Pelbagai kaedah pengukuhan akidah yang boleh dilaksanakan dalam melahirkan pendakwah yang kompeten. Antaranya pengukuhan kurikulum pendidikan Islam, penggunaan teknologi dalam Dakwah dan akhir sekali meningkatkan mutu kompetensi pendakwah :

a. Pengukuhan kurikulum pendidikan Islam

Bagi memastikan masyarakat lebih memahami dan menghayati pendidikan yang berteraskan soal akidah adalah dengan melaksanakan satu sesi pembelajaran yang lebih menarik, interaktif dan lebih praktikal yang mana mampu menarik perhatian dan minat mereka. Kelemahan Islam pada hari ini adalah terletak pada sistem pendidikan yang dijalankan di sekolah terutamanya. Banyak perkara yang memerlukan kepada perbincangan dua-hala antara pihak yang berkepentingan sebelum membawa silibus agama ke sekolah-sekolah untuk dihadamkan oleh pelajar itu sendiri. Kelemahan ini bukan sahaja berlaku dalam silibus agama bahkan dilalui juga oleh silibus sains dan teknologi yang mana mengetepikan soal agama dalam pembelajaran tersebut. Al-Qardhawi (1995), menyingkapkan kebekuan dalam pemikiran apabila umat Islam hanya mahu berpegang kepada hasil penulisan dan fatwa ulama silam dan paling menyedihkan apabila umat Islam terjerumus dalam permasalahan saling salah menyalahkan dalam isu pegangan *salaf* dan *khalaf* juga mendorong umat saling menyalahkan bahkan sampai menyesatkan kumpulan lainnya. Shukri Ahmad (2015) berpendapat sememangnya diakui bahawa pendidikan Islam yang berteraskan agama adalah suatu kemestian. Sememangnya hal itu wujud sejak zaman Rasulullah sehingga kini.

Apabila sistem pendidikan Barat diserapkan dalam sistem pendidikan Islam, beberapa konsep utama pendidikan Islam terabai. Misalnya, pendidikan Islam adalah didasarkan kepada lima komponen penting iaitu pertama; *tadris*, kedua; *ta'lim*, ketiga; *tarbiyah*; keempat; *ta'dib* dan kelima ialah *irsyad*. Pendidikan Barat mempunyai suatu nilai yang menekankan penguasaan ilmu secara *tadris* dan *ta'lim*. Namun, mereka tidak menekankan aspek *ta'dib* dan *irsyad*. Justeru, pendidikan Islam wajar menekankan isu ini dalam sistem pendidikan Islam bagi mengekang generasi Islam daripada pelanggaran hukum dan saranan agama. Sistem Islam yang dibentuk berteraskan *ta'dib* dan *irsyad* akan akhirnya menghasilkan generasi Islam yang berbeza pemikiran dan pegangan hidup. Oleh hal yang demikian, setiap pemikiran atau

keintelektualan haruslah menjadi teras dalam pembinaan akidah yang utuh dalam kalangan masyarakat Islam hari ini supaya setiap fahaman itu dapat diselarikan dalam kalangan masyarakat awam dan terutamanya dalam kalangan pendakwah itu sendiri. Natiujahnya, dengan adanya satu sistem pendidikan Islam yang mampu diguna pakai di setiap institusi agama dan di semua peringkat pengajian maka usaha untuk memartabatkan akidah akan berjalan dengan lebih berkesan dan lebih berfokus.

b. Penggunaan teknologi dalam Dakwah

Menelusuri arus kemodenan, teknologi telah berkembang dan semakin akrab dengan kehidupan seharian manusia. Tidak dinafikan bahawa banyak maklumat yang didapati oleh kita hari ini hanya berada di hujung jari sahaja. Perubahan pantas ini bukan sahaja menyebabkan banyak maklumat yang dikongsikan bahkan ia juga menjadi medium oleh semua agama untuk menyebarkan fahaman agama masing-masing. Penganut Islam juga tidak terlepas dari penggunaan teknologi dalam menyampaikan dakwah. Menurut Aziz (1995), media baru dimaksudkan sebagai satu alat bagi menyampaikan berita, isi dan ideologi kepada semua sasaran. Di dalam Arab, ianya dipanggil sebagai *wasa'il*. Maka menjadi satu tuntutan buat pengguna alat teknologi ini untuk berdakwah dan haruslah ia digunakan dengan baik dalam menentukan perkongsian yang dibuat. Muhammad Fu'ad Abdul Baqi (1984) juga berpendapat bahawa penggunaan media baru dalam berdakwah juga antara hal untuk memenuhi tuntutan *al-hikmah* dalam dakwah. Menurut beliau lagi, perkataan *al-hikmah* telah disebut sebanyak 20 kali dalam al-Quran dan biasanya akan dikaitkan dengan perkataan *al-Kitab* yang membawa maksud sebagai pengetahuan yang dibawa oleh para Nabi. Kadang-kala ia digabungkan dengan perkataan kekuasaan sebagai kelayakan pemimpin. Allah SWT menerangkan al-hikmah sebagai hukum dan prinsip yang mengatur hidup manusia.

Saed Zurghami (2011) dalam penulisannya menyatakan banyak persoalan yang perlu dibincangkan dengan lebih mendalam berkaitan media baru yang digunakan sebagai wadah baru dalam pembelajaran agama ini. Hal ini menurut beliau, agama berkait rapat dengan soal kepercayaan dan keutamaannya adalah masalah keyakinan terhadap Allah SWT dan keyakinan ini perlulah dinyatakan dalam bentuk ibadat, akhlak dan tingkah laku sosial. Berdasarkan kepada dua rujukan tersebut, pengkaji berpendapat bahawa penggunaan teknologi dalam penyebaran kebaikan Islam adalah satu kewajipan bagi setiap pendakwah kontemporari kerana masalah-masalah akidah yang berlaku hari ini tidak lagi hanya berputar secara fizikal namun ianya telah berleluasa secara atas talian. Maka jadi satu keperluan untuk para pendakwah juga untuk berada di platform yang sama untuk membanteras fahaman-fahaman yang mampu memesongkan akidah umat Islam hari ini. Namun, di sebalik kerancakan berada di platform atas talian, janganlah sehingga membelakangkan soal keutamaan ilmu yang harus dijaga supaya tidak berlaku kesilapan dalam penyampaian sehingga mampu menjadi fitnah terhadap diri pendakwah itu sendiri.

c. Meningkatkan mutu kompetensi pendakwah

Penyampai ilmu agama adalah golongan yang penting dalam masyarakat. Mereka adalah golongan yang ditugaskan untuk menyampaikan kebenaran dan mencegah kebatilan yang berleluasa dari semasa ke semasa. Mereka juga menjadi tempat untuk rujukan orang awam terhadap isu-isu semasa yang sama ada melibatkan hal kekeluargaan ataupun akidah umat Islam. Maka dengan itu, golongan pendakwah seperti ini haruslah sentiasa menyiapkan diri mereka dengan segenap pengetahuan dan khusus supaya setiap pertanyaan itu dapat dijawab dengan baik dan menepati soalan yang dianjurkan kepadanya. Bagi meningkatkan kompetensi diri mereka dalam aspek pegangan akidah, maka seharusnya penglibatan golongan pendakwah ini harus secara giat dalam aktiviti kursus, seminar dan latihan dari semasa ke semasa. Hal ini penting untuk mereka agar sentiasa dipenuhi dengan ilmu-ilmu baharu berkaitan perubahan yang berlaku ini. Dalam kajian Syed Abdurahman (2010), beliau menyatakan bahawa dalam masyarakat hari ini kita kekurangan pendakwah yang berkebolehan dari sudut ilmu, ketahanan fizikal dan mental serta ketahanan rohani yang mampu untuk membawa pendekatan dakwah dengan baik. Oleh hal demikianlah, pentingnya penglibatan pendakwah dalam aktiviti pemeraksanaan pendakwah yang dijalankan oleh pihak-pihak jabatan agama. Namun, hal ini menjadi tanda tanya untuk pendakwah segera yang lahir di ruang-ruang media sosial, adakah mereka mendapatkan latihan yang sama atau bagaimana. Hal ini perlu dikaji dan dilihat semula oleh mereka yang berkuasa. Nurul Izzah & Razaleigh (2020) pula menegaskan bahawa pendakwah yang berkredibiliti mampu meraih kepercayaan di dalam kalangan sasaran terutamanya mereka yang baru memeluk agama Islam. Oleh itu, dengan meningkatkan mutu kompetensi pendakwah secara tidak langsung mampu membawa satu pendekatan dakwah yang lebih baik pada masa akan datang.

Kesimpulan

Pengukuhan akidah adalah elemen yang penting dalam mewujudkan pendakwah yang kompeten pada masa akan datang. Pendakwah yang memiliki kredibiliti dan memiliki pegangan akidah yang unggul bukan sahaja akan mampu menyampaikan dakwah dengan berkesan malah mampu menjadi *qudwah* hasanah yang baik buat masyarakat sekelilingnya. Pendidikan dan latihan yang konsisten mampu menjadi asas dalam pengukuhan dasar akidah yang telah ada dalam diri seseorang pendakwah. Namun, untuk memperkasakan nilai akidah dalam diri serta dalam masyarakat juga bukanlah satu usaha yang mudah dan pastinya banyak cabaran yang bakal dilalui oleh mereka yang bergelar pendakwah. Nilai integriti juga perlu sentiasa dipupuk dalam diri para pendakwah agar mereka sentiasa bertanggungjawab dalam membawa gelaran pendakwah tersebut dan menjauhkan diri daripada perbuatan yang mampu menyalahi undang-undang dan hukum Islam.

Rujukan

- Ahmad Syafiq Yusof, Siti Sarah Izhan Khalib, Nur Jazlynda Zamri, Safiyyah Hani Shahidan & Nur Sabrina Kamsan. 2022. Liberalisme: Peranan Pemimpin Muda Islam. *International Journal for Islamic Product and Malay Civilization* 1(1): 63-82.
- Asming Yalawae, Mustafa Afifi Ab Halim & Wan Abdul Fattah Wan Ismail. 2011. Akidah: Peranan dan Kepentingan dalam Memelihara Keharmonian Rumah Tangga. *Jurnal Usuluddin*. 33: 1-18.
- al-Baqi, Muhammad Fu'ad Abd. 1996. *al-Mu'jam al-Mufahris Li alfaz al-Qur'an al-Karim*. Kaherah: Dar al-Hadith.
- Engku Ahmad Zaki Engku Alwi. 2007. Kajian Ajaran Sesat dalam Pengajian Islam: Satu Sorotan. *Jurnal Usuluddin* 26: 1-22.
- al-Ghazali, Abu Hamid. 2020. *10 Asas Aqidah: Sebahagian daripada Kitab 40 Asas dalam Agama*. Ustaz Mohd Juzaili Juhan & Ustaz Azhar Yahya. Selangor Darul Ehsan. Jabatan Mufti Selangor.
- Jasni Sulong. 2016. Pemeliharaan Akidah Islam: Analisis daripada Sudut Penguatkuasaan Undang-undang dan Fatwa di Pulau-Pinang. *AFKAR: Jurnal Akidah & Pemikiran Islam*. 18: 1-34.
- Khadijah Mohd Khambali@Hambali & Mihd Zaidi Daud. 2021. Pemeraksanaan Akidah Ahl Al-Sunnah Wa Al-Jama'Ah: Ke Arah Penguatkuasaan dan Penyeragaman Standard *Sighah* Fatwa. *Journal of IFTA and Islamic Heritage* 1(1). 1-32.
- Mohd Fauzi Hamat. 2002. Peranan Akidah Dalam Perancangan Pembangunan Ummah: Satu Analisis Dalam Konteks Masyarakat Kini. *Jurnal Usuluddin*. 16: 1-22.
- Mohd Sahfieh Hamzah, Azli Fairuz Laki, & Rahimah Embong. 2015. Penerapan Akidah dalam Dasar Pendidikan Malaysia: Analisis Terhadap Falsafah Pendidikan Negara dan Islam Hadhari. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*. 9: 1-12.
- Nurul Izzah Che Zaidi & Razaleigh Muhamat @ Kawangit. 2020. Personaliti Pendakwah dalam Menyantuni Masyarakat Non-Muslim. *Al-Hikmah* 12(1): 19-36.
- Saeid Zarghami Hamrah. 2011. Ontological Investigation of the Role of Internet in Religious Education. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*. 29: 1740-1749.
- Syafe'i Makhmud, Syahidin Syahidin, Mokh Iman Firmansyah, Kokom Siti Komariah & Ega Nasrudin. 2022. Penguatan Akidah Menggunakan Model *Amtsah* al-Quran. *Jurnal Pendidikan Agama Islam*. 2(2): 115-126.